

Bimbang tambah buruk



>>Oleh Sharifah Norfaezah Wan Ahmad Makki Mashor
norfaezah@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: “Kejadian banjir kilat di kawasan bandar sudah lama berlarutan sejak saya masih bekerja lima tahun lalu. Kini, selepas bersara, masalah sama masih berlaku,” kata penduduk Kampung Baru, di sini, dikenali sebagai Aminah.

Aminah, 58, berkata, setiap kali musim hujan, banyak kawasan sekitar ibu negara dilanda banjir kilat yang banyak memberi kesulitan kepada penduduk.

“Kejadian sebahagian kawasan ibu negara dinaiki air, dua hari lalu tidak mempanjatkan kerana sebelum ini, masalah sama pernah berlaku di tempat lain.

“Walaupun sebelum ini air naik tidak begitu tinggi, namun sudah menunjukkan tanda-tanda menjadi bertambah serius jika tidak segera diselesaikan,” katanya ketika ditemui Harian Metro, semalam.

Tinjauan Harian Metro mendapati jalan sekitar ibu negara terutama Jalan Tun Razak semakin pulih, namun kesan banjir masih boleh dilihat.

Penduduk lain S Saraswa-




FOTO | Sairien Nafis dan Aizuddin Saad



SARASWATHY...baiki sistem saliran

KEMAS...pelajar kolej Multimedia mengeluarkan buku yang basah di perpustakaan untuk dijemur.



ROSAK...seorang penduduk hanya mampu menggosok kepalanya ketika melihat sebahagian Jalan Syed Mahadi di Kampung Baru yang runtuh akibat banjir kilat, semalam.



KEMAS...Abdul Hamid Ismail (kiri) bersama isteri, Ramlah Baharum dan anak mereka, Md Jani membersihkan kawasan rumah yang berlumpur, di Kampung Baru, semalam.

thy, 32, berkata, sistem saliran dan perparitan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang pada masa depan.

“Masalah ini dikhuatiri tetap berulang jika tiada langkah drastik dilakukan pihak berkuasa berkaitan. Kita bernasib baik kerana dalam kejadian dua hari lalu, tiada perkara tidak diingini berlaku,” katanya.

Menurutnya, jika tindakan penyelesaian tidak dilakukan segera, banjir lebih besar mungkin melanda ibu negara pada masa akan datang.

Sementara itu, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, bagi mengatasi masalah itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membina satu saliran lencongan bagi mengalirkan air Sungai Bonus ke Tasik Titiwangsa sebelum disalurkan ke Sungai Gombak.

Menurutnya, langkah itu sudah dipersetujui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan akan dibawa kepada mesyuarat Kabinet secepat mungkin.

Katanya, pada masa sama, dua kolam takungan di Air Panas dan Setapak Jaya bernilai RM20 juta turut dibina bagi memperlancarkan aliran air sungai yang memasuki Sungai Bonus.

“Kakitangan DBKL akan membersihkan perangkap sampah di semua kawasan setiap hari. Punca berlaku banjir kilat kelmarin disebabkan taburan hujan melebihi dua kali ganda berbanding kebiasaan,” katanya.

Pudu pula dilanda banjir kilat

KUALA LUMPUR: Hujan lebat di ibu negara selama dua jam bermula jam 5 petang, semalam menyebabkan beberapa kawasan terutama di Jalan Chan Sow Lin, Jalan Brunei dan Jalan Brunei Utara, dekat Pudu dilanda banjir kilat separas 0.5 meter.

Banjir kilat dan cuaca buruk itu turut mengakibatkan kesesakan lalu lintas di ibu negara lebih dua jam.

Tinjauan Harian Metro di jalan itu mendapati peniaga bertungkus-lumus mengalihkan barangan ke tempat lebih tinggi selepas air memasuki kedai.

Sistem Maklumat Pengangkutan Bersepadu (ITIS) ketika dihubungi berkata, banjir kilat berkenaan memberi

kesan kepada aliran trafik di jalan terbabit yang bermula jam 5.15 petang.

Katanya, jalan lain turut terjejas termasuk Jalan Sultan Ismail menghala Jalan Tuan Ku Abdul Rahman, bulatan Segambut menghala Jalan Ipoh, Jalan Genting Klang dan Jalan Kuching menghala Selayang.

“Turut terjejas aliran trafik di Jalan Kinabalu menghala Jalan Loke Yew dan bulatan Cheras, Jalan Maharajalela menghala Jalan Sultan Ismail, Jalan Kuching dan Jalan Tun Razak menghala bulatan Pahang,” katanya.

Sehingga jam 7 malam keadaan trafik di jalan lain juga dilaporkan turut terjejas.



DINAIKI AIR...beberapa jalan di kawasan Pudu dinaiki air selepas hujan lebat selama dua jam, semalam.



BANJIR...hujan lebat menyebabkan banjir kilat di Jalan Brunei dan Jalan Brunei Utara, semalam.